

**Soalan No : 14**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH :** **11.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) jumlah dan peratusan pelajar vokasional yang berjaya menyambung pelajaran ke peringkat tinggi iaitu di bawah Malaysian Technical University Network (MTUN); dan
- (b) jumlah dana dan sasaran Kerajaan bagi melatih pelajar vokasional menjadi usahawan berdasarkan latihan autentik dan School Enterprise (SE).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV), lepasan Kolej Vokasional dengan Diploma Vokasional Malaysia akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di bawah *Malaysian Technical University Network (MTUN)* iaitu Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Perkara ini akan direalisasikan apabila kumpulan pertama murid Kolej Vokasional Rintis tamat pengajian pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, peluang melanjutkan pelajaran ini hanya untuk graduan Kolej Vokasional yang layak sahaja menggunakan keputusan yang diperoleh semasa di Kolej Vokasional. Peluang masih terbuka bagi mereka yang mendapatkan pengalaman bekerja di industri terlebih dahulu untuk tempoh tertentu. Berdasarkan sasaran *outcomes* pelaksanaan Kolej Vokasional sebanyak 20 peratus daripada graduan Kolej Vokasional akan melanjutkan pelajaran di MTUN. Bagi kohort 1 iaitu 15 Kolej Vokasional Rintis dengan anggaran seramai 400 pelajar akan ditawarkan tempat untuk melanjutkan pelajaran di MTUN.

- (b) Bagi melatih pelajar vokasional menjadi usahawan, KPM telah dan sedang menjalankan perbincangan dengan beberapa agensi yang terlibat dalam memberi dana peruntukan tabungan dan pinjaman seperti SME Corporation, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional). KPM mensasarkan 10 peratus daripada graduan kolej vokasional akan menjadi usahawan melalui pelbagai program dan latihan yang disediakan dalam membantu pelajar yang betul-betul berminat untuk menjadi usahawan.